

Headline	LATIHAN AMAL SIMULASI KESELAMATAN.		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	09 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Page No	12
ArticleSize	292 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,868		



**LATIHAN AMAL SIMULASI KESELAMATAN...** Antara mangsa banjir yang telah dipindahkan ke pusat pemindahan mangsa bencana pada Latihan Amal Simulasi Keselamatan Empangan Kenyir 2018 di Dewan Besar Daerah Hulu Terengganu semalam. Seramai 523 penduduk dari sepuluh buah kampung seperti Kampung Dura, Kampung Baung, Kampung Kuala Pueh, Kampung Gaung yang berada berhampiran empangan Kenyir menyertai latihan itu yang dilaksanakan setiap tahun sejak 2016. Latihan amal anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai persiapan kepada penduduk tempatan, pihak berkuasa tempatan serta agensi penyelamat dalam menangani pelbagai isu bencana seperti banjir sekiranya berlaku. Paras air di empangan Kenyir yang tertinggi pernah dicatatkan ialah 148 meter pada 2014 ketika banjir melanda seluruh negara, hampir kepada paras amaran iaitu 150 meter dan paras bahaya 153 meter. • Foto BERNAMA